

Lima feri ikonik sudah ada 'pemilik' baharu

BUTTERWORTH: Lima feri ikonik Pulau Pinang yang dibuka untuk ditender bagi dijadikan feri pelancong, restoran atau muzium terapung sudah ada 'pemilik' baharu.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, dua feri telah mendapat pembida yang memenuhi syarat manakala tiga feri lagi juga sudah ada pemohon yang sesuai.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan kesemua lima buah feri ikonik itu akan diserahkan kepada pembida yang berjaya bulan depan.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebuah feri ikonik yang dilaporkan dimasuki air di Limbungan Bagan Dalam di sini

diapungkan semula semalam.

Teik Cheng berkata, kerja-kerja mengepam keluar air dilakukan ketika paras air laut surut sebelum lubang kebocoran pada feri berkenaan diperbaiki bagi membolehkannya kembali terapung.

"Tidak ada cara lain untuk menaikkan feri itu ke darat dalam masa singkat, maka mengepam air keluar dari feri adalah satu-satunya kaedah yang dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, feri Pulau Pinang itu sudah uzur dengan enjinnya rosak teruk selepas kali terakhir beroperasi pada 27 November 2019.

"Feri tersebut tidak menjejaskan operasi bot laju atau feri semasa yang membawa basikal dan motosikal ketika ini," katanya.



FERI Pulau Pinang di Limbungan Bagan Dalam, Butterworth, yang bocor dan dimasuki air akan diapungkan semula sebelum langkah seterusnya ditentukan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.